

TIONG MAS
Hill Myna

FAMILI: Sturnidae
NAMA SAINTIFIK: *Arcidotheres religiosa*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi sub-spesies *G. religiosa intermedia* mempunyai bulu yang berwarna hitam berkilat manakala bahagian paruh berwarna perang di mana warna pada bahagian hujung paruh ini adalah lebih kepada warna kekuningan. Pada bahagian sisi telinga, terdapat jalur seperti anting-anting berwarna kuning, bersambung hingga ke bahagian belakang kepala. Pada bahagian sayap pula terdapat tompokan yang berwarna putih. Bagi individu juvenil pula, bulu pada bahagian badan adalah lebih pudar dan kurang berkilat. Pada bahagian di mana jalur seperti anting-anting ini terbentuk, terdapat warna kuning pucat manakala bahagian paruh adalah lebih gelap.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa bagi sub-spesies *intermedia* adalah 27.0-31.0 sm manakala sub-spesies *religiosa* mempunyai saiz di antara 29.0-34.5 sm.

MAKANAN

Serangga-serangga kecil, buah-buahan dan nektar. Sesetengah spesies adalah bersifat omnivor.

HABITAT

Hutan dipterokap dan hutan campuran, kawasan pinggir hutan serta kawasan yang diluaskan, pada ketinggian sehingga ke 1,370 m dari aras laut. Ia biasanya dijumpai di kawasan berketinggian kurang dari 600 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan yang kuat dan tinggi. Ini termasuklah bunyi seakan-akan menjerit dan menguak. Ia mempunyai kebolehan untuk meniru suara lain-lain burung mahupun hidupan liar yang lain.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan September hingga Jun. Sarang dibina pada bahagian lubang pokok pada ketinggian di antara 3-16 m dari paras tanah (biasanya digunakan secara berterusan). Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-3 biji, berwarna biru pudar ke biru kegelapan atau biru kehijauan di mana terdapat tompokan berwarna coklat dan coklat kemerahan ke warna ungu pudar atau bintik-bintik kebiruan. Telur ini berukuran kira-kira 26.2 X 25.6 mm secara purata.

STATUS

AKta 76/72, diperlindungi.
IUCN, appendiks 2.